

08/09/1999

Beli-belah sambil berhibur di Stadium Merdeka

KUALA LUMPUR, Selasa - Pusat perniagaan baru seperti 'flea market' di Stadium Wembley, England, yang akan dibuka di perkarangan Stadium Merdeka bulan depan, menjanjikan satu kelainan untuk orang ramai membeli-belah sambil berhibur.

Malah, pihak penganjur iaitu Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Bandaraya Kuala Lumpur (DPMMKL) merancang menjemput penyanyi popular Siti Nurhaliza bagi memeriahkan acara pembukaan 2 Oktober ini.

Yang Dipertua DPMMKL, Syed Amin Aljefri, berkata pihaknya juga menyediakan sudut permainan kanak-kanak manakala pusat penjaja akan dibuka mulai jam 4 petang Sabtu hingga 4 petang Ahad setiap minggu.

"Kami merancang menjemput Siti Nurhaliza untuk memeriahkan pembukaan pusat perniagaan baru ini kerana kita mahu orang ramai bukan sahaja membeli pelbagai barangan malah berhibur serta menjamu selera.

"Kami mahu menjadikan tempat ini destinasi popular hujung minggu. Di sini nanti, penjaja akan menjual pelbagai barangan meliputi hasil kraftangan hingga barangan antik pada harga murah," katanya kepada Berita Harian.

DPMMKL diberi tanggungjawab untuk mengendalikan pusat penjaja itu dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Beliau berkata, idea mengadakan pusat penjaja 'flea market' itu adalah ilham Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, buat permulaan 200 lot akan disediakan di kawasan letak kereta seluas kira-kira 0.4 hektar bersebelahan BP berdekatan Stadium Merdeka.

Syed Amin berkata, kadar sewa lot berkenaan mungkin di antara RM10 hingga RM30 sehari dan pengagihannya dibuat berdasarkan "siapa cepat, dia dapat".

Tempahan lot berkenaan dibuka mulai sekarang dan orang ramai yang berminat boleh mendapatkan borang atau maklumat lanjut dengan menghubungi Pengarah Eksekutif DPMMKL, Khazali Ibrahim di No 79C (Tingkat L3) Kompleks Damai, Jalan Datuk Hji Eusoff, 50400 Kuala Lumpur atau telefon 03-4424711.

Katanya, lot di pusat penjaja itu dibuka kepada semua kaum dan tanpa mengira sama ada mereka dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau negeri lain yang berdekatan.

"Penjaja yang mempunyai jenis perniagaan yang unik juga boleh memohon untuk berniaga di situ. Kami menjanjikan bahawa semua barangan yang mungkin tidak terdapat di tempat lain, akan dijual di situ nanti.

"Oleh itu, saya menasihatkan penjaja yang berminat sama ada dari Kuala Lumpur atau Seremban supaya merebut peluang yang terbuka ini. Siapa datang dulu, dia akan dapat," katanya.

(END)